

06 MAR 2000

Mahathir-Hak

HAK KERAJAAN UNTUK MEMBERHENTIKAN MANA-MANA PANEL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi hak kerajaan untuk memberhentikan mana-mana pihak yang dilantiknya termasuk panel-panel doktor ataupun peguam.

"Itu hak kerajaan dan itu bukan hak anggota panel. Anggota panel dilantik, kalau kerajaan nak berhentikan, boleh berhentikan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Beliau sebelum itu ditanya mengenai tindakan kerajaan negeri Melaka yang menghantar surat pekeliling kepada jabatan dan agensi kerajaan supaya memberhentikan kontrak panel doktor dan peguam mereka yang didapati bersekongkol dengan pembangkang.

"Kita lihat kerajaan di Pantai Timur umpamanya menghentikan banyak orang tapi tak banyak orang komen. Penghulu berhenti... semua orang kena berhenti. Kita taklah buat macam itu," katanya.

Satu laporan akhbar hari ini memetik Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam sebagai berkata kerajaan negeri telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua jabatan dan agensi supaya memberhentikan kontrak panel doktor dan peguam yang bekerjasama rapat dengan pembangkang.

Mohamed Ali berkata surat pekeliling itu patut dikeluarkan untuk berlaku adil kepada semua doktor dan peguam yang selama ini menyokong kerajaan.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji program Astro yang dikatakan banyak menyiarkan program asing dan dikhuatiri akan membawa kesan buruk kepada rakyat negara ini.

"Kita belum kaji tetapi kita sedang mendengar pendapat orang ramai melalui media.

"Ia menjadi suatu masalah kerana rakyat mempunyai "strong feelings" maka kita akan kaji sama ada untuk berbuat sesuatu," katanya.

Stesen Astro mengandungi 28 saluran termasuk empat saluran bahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi serta satu saluran Tamil, Astro Vanaavil, yang menayangkan 100 peratus program yang diimport dari Taiwan, Hong Kong dan India.

-- BERNAMA

NZ RON